International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)
www.ijmoe.com

GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE

PEMBENTUKAN HUFFAZ MELALUI PENERAPAN KONSEP *SUFISME* DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ

THE FORMATION OF HUFFAZ THROUGH THE APPLICATION OF SUFISM CONCEPTS IN TAHFIZ EDUCATION

Saiful Rafizan Jamil[1*], Mardzelah Makhsin[2], Ahmad Shafie Mohamad[3]

[1] School of Education, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia
Email: Saiful_rafizan_j@ahsgs.uum.edu.my
[2] School of Education, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia
Email: mazfaniy@uum.edu.my
[3] School of Education, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia
Email: ahmad_shafie_m@ahsgs.uum.edu.my
[*] Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 23.09.2024
Revised date: 10.10.2024
Accepted date: 05.11.2024
Published date: 16.12.2024

To cite this document:

Jamil, S. R., Makhsin, M., & Mohamad, A. S. (2024). Pembentukan Huffaz Melalui Penerapan Konsep *Sufisme* Dalam Pendidikan Tahfiz. *International Journal of Modern Education, 6* (23), 01-14.

DOI: 10.35631/IJMOE.623001

This work is licensed under CC BY 4.0

Abstract:

Pendidikan tahfiz atau penghafalan al-Quran telah menjadi salah satu pendidikan yang arus perdana masa kini. Matlamat utamanya agar melahirkan huffaz yang dapat menghafal 30 juz dengan sempurna. Namun, pendidikan tahfiz tidak hanya menghafal sahaja bahkan memahami ajaran-ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran. Oleh karena itu, penerapan konsep sufisme dalam pendidikan tahfiz dapat membantu membentuk huffaz yang tidak hanya menghafal, tetapi juga memahami dan menyelami ajaran Islam secara lebih dalam. Konsep sufisme juga dikenali sebagai tasawuf dalam pendidikan tahfiz dapat membantu memperkuat hubungan spiritual dengan Allah dan memperkuat keimanan serta ketakwaan seseorang. Para huffaz yang terbentuk melalui pendidikan tahfiz dengan pendekatan sufisme diharapkan dapat memainkan peranan penting dalam mempertahankan keaslian al-Quran, serta membantu meningkatkan pemahaman dan pengalaman spiritual kendiri. Artikel ini bertujuan menganalisis konsep sufisme untuk diterapkan dalam pendidikan tahfiz ke arah pembentukan huffaz cemerlang dan manfaatnya bagi individu, masyarakat, dan umat Islam secara keseluruhan.

Kata Kunci:

Sufisme, Huffaz, Tasawuf, Pendidikan Tahfiz

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Abstract:

Tahfiz education or Quran memorization has become one of the mainstream education nowadays. The main goal is to produce huffaz who can memorize 30 juz perfectly. However, tahfiz education is not only memorizing but also understanding the teachings of Islam contained in the Quran. Therefore, the application of the concept of Sufism in tahfiz education can help form huffaz who not only memorize, but also understand and delve deeper into Islamic teachings. The concept of Sufism is also known as Sufism in tahfiz education can help strengthen the spiritual relationship with God and strengthen a person's faith and piety. The huffaz who are formed through tahfiz education with a Sufism approach are expected to play an important role in defending the authenticity of the Qur'an, as well as helping to improve their own spiritual understanding and experience. This article aims to analyze the concept of Sufism to be applied in tahfiz education towards the formation of excellent huffaz and its benefits for individuals, society, and Muslims as a whole.

Keywords:

Sufism, Huffaz, Sufism, Tahfiz Education

Pengenalan

Umat Islam hari ini mula menyedari akan kelebihan sebaga para penghafal al-Quran. Gelaran “al-Hafiz” atau “al-Hafizah” tetap memiliki kedudukan yang tinggi di sisi Allah s.w.t serta dihargai dalam pandangan masyarakat masa kini (Ismail, 2018). Hal ini menyebabkan sebahagian ibu bapa berkeinginan untuk memiliki anak-anak yang menghafal al-Quran 30 juzuk sehingga ada yang sanggup memaksa anak-anak untuk mengikuti aliran pendidikan tahfiz (Kamaruddin, 2017). Selain itu, pendidikan tahfiz turut menerima sambutan baik daripada ibu bapa yang berhasrat agar anak-anak mereka mendalami ilmu agama agar dapat melahirkan individu yang bersahsiah cemerlang dan berkeperibadian tinggi (Muhammad Zulazizi & Mohd Rashidi, 2021).

Sebahagian institut tahfiz bukan sahaja menawarkan hafalan al-Quran bahkan terdapat kurikulum yang meliputi ilmu naqli (agama) dan aqli (akademik). Hal ini menjadikan mereka bukan sahaja mampu menguasai ilmu al-Quran, bahkan dapat menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan duniawi dan ukhrawi. Di samping itu, dalam masa yang sama pembentukan akhlak mereka dibentuk sesuai dengan imej sebagai penghafal al-Quran. Dari sudut aspek akhlak juga bermanfaat untuk membantu pelajar tahfiz untuk mengingati keseluruhan 30 juzuk al-Quran dengan baik. Oleh itu, sistem pendidikan tahfiz teruskan berkembang, tidak hanya memfokuskan kepada penghafalan al-Quran semata-mata, bahkan turut diperkaya dengan ilmu dunia dan ukhrawi yang lain, termasuklah pembentukan akhlak, secara tidak langsung akan membentuk sahsiah pelajar tahfiz yang berperibadi mulia dan melahirkan ummah yang cemerlang di dunia serta akhirat.

Lantaran itu, pendidikan tahfiz yang holistik tidak harus meninggalkan aspek kerohanian kerana ia adalah elemen yang akan membentuk akhlak. Kejayaan seseorang pelajar tahfiz tidak hanya dinilai dari segi pencapaian hafazan dan akademik yang cemerlang semata-mata, tetapi juga dilihat dalam konteks pembentukan sahsiah dan akhlak yang baik. Dalam hal ini pendekatan sufisme adalah suatu kaedah yang menyeluruh dalam membentuk sahsiah yang seimbang, yang menjadi salah satu daripada aspek yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaaan (FPK) iaitu di antaranya ialah melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek berteraskan al-Quran dan Sunnah

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001
(Mohd Shaifulbahri & Syed Hadzrullathfi, 2017). Dengan penekanan pada penggunaan akal untuk membezakan yang baik dan buruk, pengurusan emosi dengan membersihkan hati dan menyeimbangkan nafsu, pendekatan tasawuf dapat membantu melahirkan sahsiah dan tingkah laku yang baik.

Konsep Sufisme

Sufisme merupakan suatu pemikiran yang berkaitan dengan Tasawuf. Sufisme dalam Islam telah dikenal sejak awal abad ke-19. Ia merupakan satu bahagaian dalam Islam yang perlu dimiliki oleh umat Islam. Fungsi sufisme adalah untuk mendekatkan diri terus kepada Allah SWT secara rohani dan melalui pengalaman peribadi secara langsung (Usman, Stapa, & Abdullah, 2020). Selain itu, sufisme juga mendorong umat Islam untuk melalui proses pembersihan jiwa atau dikenali sebagai *tazkiyyatun nafs.*

Terdapat pelbagai pandangan mengenai asal usul perkataan sufisme atau tasawuf. Menurut Mufti Wilayah Persekutuan (2020), istilah tasawuf tidak terdapat dalam mana-mana sumber wahyu, sama ada al-Quran mahupun Hadith. Malah, istilah ini tidak pernah digunakan oleh Rasulullah SAW, para sahabat, dan juga tabi'in. Hal ini telah menimbulkan pelbagai tafsiran dari sudut etimologi berkaitan definisi tasawuf.

Salah satu kata akar yang dikaitkan dengan tasawuf ialah *Al-Sifat*, yang merujuk kepada seorang Sufi yang memperindah dirinya dengan sifat-sifat terpuji dan meninggalkan sifat-sifat tercela. Di samping itu, *Ahl al-Suffah* merujuk kepada sekumpulan fakir miskin dalam kalangan umat Islam pada zaman awal Islam. Mereka terdiri daripada individu yang tidak mempunyai tempat tinggal dan berteduh di bahagian luar Masjid Nabawi pada masa itu. Antara Sahabat Nabi yang menghuni suffah termasuklah Abu Darda', Abu Zar al-Ghifari, dan Abu Hurairah.

Syeikh Ahmad Zarruq dalam kitabnya *Qawa'id al-Tasawwuf* mendefinisikan tasawuf sebagai: "Ilmu yang bertujuan memperbaiki hati dan memusatkannya sepenuhnya kepada Allah. Fiqh pula merupakan ilmu yang berfungsi memperbaiki amal, menjaga peraturan, serta menzahirkan hikmah di sebalik setiap hukum. Manakala ilmu tauhid adalah ilmu yang bertujuan membuktikan dalil-dalil dan memperkukuh iman dengan keyakinan, sama seperti ilmu perubatan untuk menjaga tubuh dan ilmu nahu untuk menjaga lisan."

Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi dalam kitabnya *Tanwir al-Qulub fi Mu'amalah 'Alam al-Ghuyub* mentakrifkan tasawuf sebagai: "Suatu ilmu yang membantu mengenali keadaan jiwa, baik dan buruknya, cara menyucikan jiwa daripada sifat-sifat tercela dan mengisinya dengan sifat-sifat terpuji, serta cara menjalani suluk dan perjalanan menuju keredhaan Allah sambil meninggalkan larangan-Nya."

Kesimpulannya, sama ada ia dirujuk sebagai tasawuf, ihsan, atau tazkiyyatunnafs, konsep ini tetap membawa maksud yang sama, iaitu ilmu dan amalan yang berkaitan dengan penyucian diri untuk mencapai maqam tertinggi dalam aspek kerohanian serta meraih keredhaan Allah SWT sebagaimana sabda Nabi SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: "Engkau beribadah kepada Allah seaakan akan Engkau melihat-Nya, dan jika engkau tidak melihat-Nya, sesungguhnya Ia melihatmu." (Riwayat al-Bukhari)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Dalam catatan pertamanya (*al-talwih alawal*), Said Nursi (2011) mentakrifkan tasawuf sebagai "Satu jalan untuk memahami hakikat keimanan dan hakikat al-Quran melalui pendekatan kerohanian yang berpandukan sunnah Nabi Muhammad SAW, bermula dengan langkah hati sehingga mencapai satu perasaan (*dzauq*) yang mendekatkan diri kepada tahap penyaksian (*syuhud*) kepada Allah SWT."

Amalan Tasawuf Islam

Tasawuf merupakan sebuah tradisi atau amalan dalam Islam yang menekankan kepada hubungan penghambaan antara individu dengan Allah SWT. Seorang sufi yang mengamalkan tasawuf Islam sentiasa berusaha dengan tekun untuk menyucikan hati, bukan sahaja daripada sifat mazmumah atau tercela, malah juga daripada sebarang lintasan buruk dalam jiwa. Jika hati terleka daripada mengingati Allah SWT walau sesaat, seorang sufi akan merasa sangat bersalah dan menyesal, lalu menebusnya dengan memperbanyakkan amalannya malah adakalanya ahli sufi akan melalui proses muaqabah (mendenda diri) kerana kelalaian, muatabah (menghina diri kepada Allah SWT). Kesemua hal ini merupakan tahap-tahap yang dilalui ahli sufi untuk mencapai tahap *Tazkiyyatun nafs.*

Banyak kajian mendapati pendekatan tasawuf boleh menjadi penawar dalam menyelesaikan pelbagai masalah psikologi dan sahsiah dalam kalangan masyarakat Islam. Subandi, et al., (2021) mendapati zikir sebagai salah satu amalan tasawuf dapat meningkatkan kesihatan mental. Hal ini, menunjukkan bahawa kepentingan proses penyucian jiwa dalam tasawuf yang terdiri daripada *at-takhalli* (menyucikan jiwa daripada sifat-sifat tercela), a*t-tahalli* (menghiasi jiwa dengan sifat-sifat mulia dan terpuji), dan at-tajalli (mencapai jiwa yang suci). Pernyataan tersebut turut disokong Fatimah Mohamed (2021) yang mendapati amalan zikir dapat meningkatkan kegembiraan dan mengurangkan tekanan. Amalan tasawuf dilihat perlu bukan pada pembangunan aspek kerohanian sahaja tetapi juga pertumbuhan keagamaan seperti peningkatan penghayatan agama serta tingkah laku yang baik (Abdul Arif Sidi, 2021).

Proses Tazkiyyah Al-Nafs

Menurut al-Ghazali (1988), personaliti adalah merangkumi keseluruhan individu secara fizikal (zahir) dan rohani (dalaman). Kedua-dua aspek ini mempengaruhi antara satu sama lain di mana dalaman seseorang yang terdiri daripada emosi, sikap, motivasi dan sebagainya boleh mempengaruhi tingkah laku luaran dan tingkah laku luaran juga boleh mempengaruhi aspek rohani seseorang individu (Sham et al., 2013). Walaupun begitu, menurut al-Ghazali (1988), aspek kerohanian lebih mempengaruhi tingkah laku dan penjelmaan keperibadian seseorang kerana ia berkaitan dengan peranan hati (qalb).

Oleh itu, dalam memastikan keperibadian seseorang individu muslim itu terbentuk daripada hati (qalb) yang tunduk serta patuh kepada perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW, maka proses penyucian jiwa (tazkiyyah al-nafs) perlu dilakukan. selesai. Menurut tasawuf Islam oleh al-Ghazali (1988), proses tazkiyyah al-nafs memerlukan amalan tasawuf seperti al-takhalli (mujahadah al-nafs) dan al-tahalli (riyadhah al-nafs). Menurut Ismail (2021), al-takhalli dan at-tahalli merupakan antara amalan terpenting dalam tasawuf untuk membangunkan kerohanian dan sikap Muslim. Al-takhalli bermaksud berusaha bersungguh-sungguh melawan hawa nafsu sehingga terhapusnya sifat-sifat mazmumah (keji) seperti hasad dengki, cinta dunia (hub al-dunya), takabur, dan sebagainya. Al-tahalli ialah latihan jiwa di mana jiwa dilatih dengan kebaikan secara beransur-ansur agar sesuatu yang dianggap sukar akhirnya dapat dilaksanakan dengan mudah dan ringan (Sheikh Abu Mohamed, 2012). Kedua-dua proses ini saling

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

melengkapi dalam pembinaan keperibadian muslim di mana al-takhalli menghilangkan sifat dan amalan mazmumah (keji) dan al-tahalli membina sifat dan amalan mahmudah (terpuji) dalam diri seseorang.

Amalan tasawuf Islam berteraskan al-takhalli dan al-tahalli amat penting dalam membangunkan keperibadian beragama Islam. Kedua-dua amalan ini saling melengkapi antara satu sama lain. Menurut Muhamad Yusuf Khalid (2011)**,** amalan at-takhalli dan at-tahalli menghasilkan kesan positif kepada jiwa dan keperibadian umat Islam. Banyak kajian menjelaskan bahawa kedua-dua amalan tersebut telah berjaya membina keperibadian umat Islam (Nozira Salleh et al., 2022). Selain itu, menurut Mahpol et al., (2020) ia juga dapat melahirkan muslim yang seimbang dari segi jasmani dan rohani. Kajian juga mendapati bahawa amalan at-takhalli dan at-tahalli dapat membina kekuatan fizikal, rohani, dan mental semasa tekanan (Abdul Rahman Mahmood, 2020). Begitu juga dengan kajian Noraini et al., (2022) mendapati amalan ini dapat membina kekuatan rohani dan emosi untuk menghadapi pelbagai kesukaran hidup. Kesemua kajian ini membuktikan bahawa dengan mengamalkan al-tahalli dan at-takhalli, sahsiah seorang muslim akan bertambah baik dari segi mental dan fizikal.

Ilmu tasawuf pada asasnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu pembersihan zahir dan pembersihan rohani. Pembersihan zahir adalah membersihkan diri daripada segala dosa samada dosa kecil dan dosa besar yang berlaku pada anggota zahir manusia iaitu membersihkan hal-hal berikut daripada segala maksiat dan dosa. Membersihkan mata, membersihkan telinga, membersihkan lisan, membersihkan perut, membersihkan kemaluan, membersihkan dua tangan, membersihkan dua kaki.

Pembersihan rohani ialah membersihkan diri daripada segala sifat yang tercela iaitu mazmumah dan mengusahakan agar diri mempunyai sifat-sifat yang terbaik iaitu sifat-sifat mahmudah. Adapun sifat mazmumah yang perlu kita ketahui, fahami dan perlu kikis daripada diri kita ialah sombong, riak, ujub, hasad, cintakan dunia dan kemegahan, marah, kedekut, makan berlebihan, angan-angan yang panjang, dan ghurur. Setelah itu sifat mahmudah yang perlu difahami dan berusaha untuk mendapatkannya ialah taubat, sabar, takut dan harap kepada Allah, zuhud, syukur, ikhlas, tawakal, kasih akan Allah, redha dan ingat akan mati.

Hakikat (amalan rohani) didapati melalui melatih roh supaya taat kepada Allah. Jasad rohani (roh) memang sudah kenal Allah semasa di alam roh dahulu sebelum dimasukkan ke dalam jasad zahir. Roh yang berada dalam jasad dikumpul bersama nafsu dan syaitan. Berdepan dengan dua musuh ini hati manusia akan lemah dan hilang rasa kehambaan. Walaupun mengetahui Allah maha berkuasa tetapi roh sudah tidak boleh mentaati lagi perintah Allah. Pujukan dan tarikan nafsu dan syaitan lebih kuat dan berpengaruh. Roh telah derhaka kepada Allah. Maka untuk meningkatkan ke darjat yang mulia semula manusia mesti mendidik roh kembali mengenal dan mencintai Allah. Dan cara untuk mendapatkan kecintaan kepada Allah ialah dengan jalan bermujahadah (melawan) hawa nafsu dan syaitan. Inilah amalan rohani yang wajib dilaksanakan. Jalan keselamatan untuk menuju Allah ialah melakukan mujahadatun nafs. Iaitu bermujahadah ke atas semua sifat mazmumah iaitu sifat-sifat keji yang tercela dan penyakit hati.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Penyakit hati itu terbahagi kepada penyakit hati terhadap Allah dan kepada manusia. Penyakit hati kepada Allah merangkumi tidak khusyuk ibadah, lalai daripada mengingati Allah, tidak yakin dan ikhlas kepada Allah, tidak takut akan azab Allah, tidak mengharap pada rahmat Allah, tidak redha dengan takdir dan gila dunia serta gila pujian dan kemasyhuran. Manakala penyakit mazmumah kepada manusia terdiri daripada benci sesama manusia, gembira apabila seseorang ditimpa musibah dan sedih apabila berjaya, mementingkan diri sendiri, memandang hina kepada seseorang, rasakan diri bersih dan takbur. Oleh itu hati yang berpenyakit atau kotor perlu dibersihkan sesuci mungkin bagi mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Pembersihan Hati

Tiga peringkat pembersihan hati iaitu pertama takhalli bermakna mengosong, membuang atau menyucikan hati. Kedua tahalli mengisi atau menghiasi hati dan terakhir tajalli yang bermaksud terasa kebenaran dan kehebatan Allah di hati (Al-Jauziyyah, 2005).

Takhalli bererti melawan atau membuang terus semua kehendak nafsu dan larangan Allah. Nafsu yang keji itu mesti dibenci, dimusuhi sepertimana firman Allah dalam Surah Al-Syams ayat 9-10:

﴿قَدۡ أَفۡلَحَ مَن زَكَّىٰهَا وَقَدۡ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا﴾

Maksudnya

"Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat.

Menurut ahli tasawuf penyucian diri berperingkat bermula dengan suci daripada hadas dan najis, suci daripada dosa zahir, suci daripada dosa maksiat dan rohani dan terakhir suci daripada sifat keakuan diri. Suci daripada hadas dan najis menggambarkan hubungan diri dengan Tuhan, wajib bersih badannya, pakaiannya, zahir dan rohaninya bahkan sentiasa berwuduk selepas suci hadas kecil. Wajib beristinjak dengan bersih menggunakan air, benda keras atau kesat serta perlu mandi hadas sekiranya berhadas besar.

Langkah seterusnya menyucikan anggota yang tujuh daripada dosa dan maksiat. Membersihkan mulut daripada perkataan yang haram, membersihkan mata daripada penglihatan yang haram, membersihkan telinga daripada pendengaran yang haram, membersihkan hidung daripada bauan yang haram, membersihkan perut daripada segala makanan yang haram, membersihkan tangan dan kaki daripada segala yang haram dan membersihkan kemaluan daripada berzina, liwat dan sebagainya. Ketujuh-tujuh anggota ini harus dibersihkan agar nipis hijab yang melindungi diri dengan Tuhan. Malah ditakuti tertipu dalam perjalanan kerohanian andai masih bergelumang dengan maksiat dan dosa.

Dosa dan maksiat rohani adalah sifat-sifat mazmumah yang tercela dan ditunggangi nafsu dan syaitan. Sifat mazmumah ini wajib dikikis dan dibuang daripada hati kita kerana selain mencacatkan hati ia juga mendatangkan mudarat besar pada hari akhirat kelak. Sifat mazmumah merangkumi sombong, riak, ujub, hasad, cintakan dunia dan kemegahan, marah, kedekut, makan berlebihan, angan-angan yang panjang dan ghurur.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Lanjutan daripada itu adalah suci daripada keakuan diri. Inilah penyucian yang tertinggi iaitu penyucian daripada syirik yang halus. Adapun syirik terbahagi kepada syirik Jali iaitu mensyirikkan dan menyekutukan Allah dengan jelas, syirik Khafi iaitu menduakan Allah secara tidak sedar dengan memakai sifat-sifat Allah yang dilarang dan membiarkan hati dimasuki oleh sifat-sifat tercela seperti ujub, takabbur. Ketiga ialah syirik Khafiul Khafi iaitu syirik yang lebih tersembunyi. Syirik ini terlebih halus iaitu bisikan nafsu yang tidak nampak cacat celanya pada pandangan syariat tetapi batal pada pandangan hakikat.

Selain proses penyucian itu, kita hendaklah melawan hawa nafsu yang sangat mengajak kepada kejahatan. Untuk melawan hawa nafsu bukanlah sesuatu yang mudah, ia merupakan satu jihad besar, lebih besar daripada jihad di medan perang umpama sabda Rasulullah sekembalinya dari perang badar :

"*Kami telah kembali dari peperangan yang kecil untuk menuju peperangan yang lebih besar. Maka sahabat bertanya. Apakah peperangan yang besar itu Ya Rasulullah? Maka dijawab. Itulah peperangan melawan hawa nafsu*."

(Hadis Riwayat Baihaqi)

Ada beberapa perkara yang perlu ditempuh bagi proses takhalli iaitu:
1. Mujahadatun Nafsi (latihan melawan hawa nafsu)
Usaha mendisiplinkan jiwa dengan bersungguh-sungguh, didikan yang berterusan serta bimbingan yang efektif daripada guru mursyid. Latihan jiwa yang bersungguh-sungguh, didikan yang berterusan dan tunjuk ajar yang berkesan daripada guru mursyid. Ia merupakan salah satu dasar tarbiyah ruhiyah didalam tarekat kaum sufi. Mereka (kaum sufi) berkata sesiapa yang telah merealisasikan dasar-dasar (usul) tarbiyah bererti dia telah mencapai wusul (sampai kepada Allah) dan sesiapa yang emninggalkan usul maka dia tidak akan sampai kepada Allah (Sheikh Abu Mohamed 2012).

2. Keazaman yang kuat
Sifat jemu dan bisikan jahat syaitan dengan pelbagai alasan menjadi penghalang untuk beribadah. Oleh itu kekuatan jiwa dan keazaman yang kuat diperlukan untuk membuat perubahan diri walaupun terpaksa menempuh penderitaan dan kepayahan.

3. Kesanggupan menempuh ujian
Sentiasa mengingatkan diri agar sabar dan redha dengan ujian yang datang. Tujuan ujian Allah adalah sebagai kasih sayang Allah untuk menghapuskan dosa serta meninggikan darjat di akhirat.

Pemberontakan hati, resah dan gelisah sering melanda sepanjang proses takhalli. Maka pada saat inilah manusia harus sentiasa zikrullah (ingat akan Allah) dan memohon kepada Allah agar mendapat kekuatan dan hidayah dalam menempuh lautan nafsu. Sentiasa memperbanyakkan tafakur mengenangkan kebesaran Allah agar timbul rasa takut terhadap neraka Allah dan rindu pada syurga Allah.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Pendidikan Tahfiz

Pendidikan Tahfiz merupakan program pendidikan Islam yang bertujuan menghafaz al-Quran sepenuhnya. Program pendidikan tahfiz ini biasanya dijalankan oleh institusi pendidikan Islam seperti madrasah, pondok, maahad dan institusi pendidikan Islam yang lain samada dibawah seliaan kerajaan mahupun persendirian.

Kurikulum tahfiz biasanya terdiri daripada tiga tunjang utama iaitu membaca, menghafal dan mengulang hafazan. Bahagian bacaan biasanya terdiri daripada ilmu tajwid (peraturan membaca al-Quran dengan betul) (Zakaria et al., 2020) dan memahami makna kandungan al-Quran. Sementara itu, bahagian hafazan biasanya terdiri daripada mengingat ayat-ayat al-Quran secara menyeluruh. Manakala mengulang hafazan adalah mengingat kembali setiap ayat-ayat yang pernah dihafal sebelumnya.

Selain itu, terdapat kurikulum tahfiz yang menggabungkan mata pelajaran lain seperti bahasa Arab, sejarah, dan fiqh malah mata pelajaran akademik lain. Tujuannya adalah untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang agama Islam serta menyediakan pelajar menghadapi kehidupan sebagai seorang Muslim. Dalam proses pembelajaran, pelajar biasanya akan tinggal di asrama atau dalam persekitaran yang direka khusus untuk mengkhususkan diri dalam pembelajaran al-Quran. Mereka akan mempelajari al-Quran daripada tenaga pengajar yang mempunyai berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang ini. Kurikulum tahfiz dapat membantu pelajar membina hubungan yang lebih erat dengan al-Quran dan mengukuhkan kefahaman al-Quran yang betul dan lengkap. Selain itu, program pendidikan tahfiz juga dapat membantu meningkatkan kebolehan membaca al-Quran dengan betul dan betul, serta mengeratkan jalinan rohani antara pelajar dengan al-Quran.

Sehubungan dengan itu Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) Malaysia telah menggubal satu garis panduan untuk semua warga yang terlibat secara langsung dengan pendidikan tahfiz agar dapat memenuhi aspirasi negara. Penyelarasan ini secara tidak langsung meningkatkan martabat pendidikan tahfiz di Malaysia samada premis kerajaan mahupun persendirian Muhammad Zulazizi dan Mohd Rashidi (2021). Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) merangkumi teras dan strategi yang komprehensif serta menjadi panduan dalam usaha memperkukuh pendidikan tahfiz di Malaysia. DPTN ini telah diluluskan secara prinsip dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke-61 pada 26 Jun 2016, dan seterusnya mendapat perkenan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-247 pada 11 Oktober 2017 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2021).

Sebagai dokumen rujukan, DPTN berfungsi untuk memandu institusi pendidikan tahfiz di seluruh negara dalam menetapkan arah dan kualiti pendidikan tahfiz yang sejajar dengan pendidikan arus perdana. Ia juga menjadi asas penting bagi membina pendidikan tahfiz yang berkualiti dengan matlamat melahirkan modal insan serta generasi al-Quran yang berkeyakinan dan berdaya saing. DPTN menetapkan lima teras utama untuk memperkukuh pendidikan tahfiz di Malaysia, termasuk memperkemas perundangan, mewujudkan model tahfiz, mengintegrasikan kurikulum tahfiz dengan arus perdana, memperkukuh tadbir urus, serta mewujudkan sistem pengiktirafan bagi huffaz dan institusi tahfiz.

Seterusnya, sebagai asas dalam membentuk model pendidikan tahfiz yang merangkumi pendidikan dari peringkat awal kanak-kanak hingga ke pendidikan tinggi, termasuk pendidikan sepanjang hayat yang mengikut acuan Malaysia. Antara fokus utamanya adalah membina asas

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

yang kukuh untuk pembangunan potensi para penghafaz al-Quran yang seimbang dan optimum, meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek bagi memastikan kualiti penghafaz al-Quran terjamin. Ini diikuti dengan usaha menyelaraskan pembangunan model dan kurikulum pendidikan tahfiz yang seragam dan bersepadu.

Falsafah Pendidikan Tahfiz

Falsafah merupakan salah satu cabang ilmu yang tinggi kerana falsafah itu sendiri bermaksud cinta kepada kebijaksanaan. Kebijaksanaan atau hikmah adalah elemen penting dalam falsafah, merujuk kepada kematangan pandangan serta pemerhatian yang mendalam. Hikmah juga menggambarkan pemikiran peringkat tinggi yang bertujuan untuk mencari kebenaran atau memahami hakikat. Konsep hikmah turut disebut dalam al-Quran melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

'*Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)". Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.'*

(Surah Luqman : ayat 12)

Falsafah Islam merujuk kepada falsafah yang berpaksikan dua sumber utama, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini bermaksud bahawa setiap bidang dan cabang falsafah yang dirujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah tidak seharusnya bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Perbincangan dalam Falsafah Islam tertumpu kepada beberapa isu utama, iaitu persoalan berkaitan ketuhanan, manusia, alam semesta, dan kehidupan.

Falsafah Islam menjadi asas kepada prinsip Pendidikan Islam seperti yang dinyatakan dalam surah al-'Alaq ayat 1 hingga 5. Pandangan hidup Islam berakar pada persoalan ketuhanan, iaitu kepercayaan manusia terhadap kewujudan Allah SWT sebagai Pencipta alam semesta. Persoalan ketuhanan ini membentuk pengertian dan konsep Pendidikan Islam, di mana matlamat tertingginya adalah untuk mencapai ibadah atau pengabdian kepada Allah SWT.

Falsafah Pendidikan Islam merujuk kepada falsafah yang menetapkan matlamat akhir, maksud, objektif, nilai, dan cita-cita yang telah ditentukan sebelumnya oleh pandangan hidup Islam dan dilaksanakan melalui proses pendidikan (Maimun Aqsha Lubis, Nor Faizah Abu Hashim, 2016). Falsafah Islam ini telah merumuskan semua prinsip dan norma yang merangkumi keseluruhan skop pendidikan. Falsafah Pendidikan Islam disusun dengan kebijaksanaan dalam proses pendidikan bagi suatu bangsa, mempersiapkan generasi muda dan masyarakat umum untuk beriman kepada Allah SWT dan menerima segala wahyu yang diturunkan kepada Rasul-Nya (Al-Syaibani 1991).

Pendidikan tahfiz perlu selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). FPK menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia merupakan usaha berterusan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang bagi melahirkan insan yang harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berlandaskan keimanan dan kepatuhan kepada Tuhan. Matlamat ini adalah untuk menghasilkan rakyat

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab, serta berupaya mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang kepada keharmonian serta kemakmuran masyarakat dan negara.

Begitu juga, FPI bertujuan sebagai usaha berterusan dalam menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ia bertujuan membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang memiliki tanggungjawab membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar, serta negara bagi mencapai kebaikan dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Sehubungan dengan itu, DPTN menyatakan falsafah pendidikan tahfiz adalah :

"*Pendidikan tahfiz adalah satu usaha berterusan ke arah membaca, memperkembangkan lagi potensi individu untuk menghafaz dan memahami al-Quran, yang mampu menggabungkan ilmu naqli dan aqli serta mengaplikasikannya dalam kehidupan melalui pendidikan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan keimanan kepada Allah SWT untuk melahirkan generasi al-Quran yang menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan ummah.*"

Ilmu Tasawuf Membentuk Spiritual Huffaz

Pendidikan tahfiz yang bersendikan tasawuf mengacu pada program pendidikan Islam yang mengintegrasikan pengajaran hafazan al-Quran dengan praktik tasawuf atau sufisme. Pembelajaran hafazan yang bersendikan tasawuf membantu murid untuk memahami dan menyelami ajaran Islam secara lebih dalam dan bersepadu dengan menghubungkan aspek spiritual dan akademik.

Dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz, pelajar akan diajar teknik dan kaedah untuk menghafal al-Quran keseluruhannya disusuli dengan amalan tasawuf seperti zikir, penyucian diri dan memurnikan hati. Menerusi amalan ini pelajar dapat merasakan dekat dengan Allah melalui pengalaman spiritual semasa hafalan dan pengulangan al-Quran sehingga mereka dapat mengembangkan kecintaan dan ketakwaan kepada Allah dengan lebih ikhlas. Sesuai dengan peranan membaca al-Quran samada melihat mushaf atau tidak ia dikira sebagai ibadah yang akan menjadikan pelajar sedar mereka merupakan hamba Allah dalam erti untuk menumbuhkan rasa ketaqwaan yang mendalam.

Penerapan konsep sufisme dalam pendidikan tahfiz juga mampu memperkuat hubungan antara individu dengan Tuhan melalui peningkatan kesedaran spiritual dan pengalaman peribadi. Secara tidak langsung dapat memperkukuh hubungan mereka dengan Al-Quran dan Allah s.w.t. Tambahan pula ilmu tasawuf membantu para huffaz memahami nilai-nilai Islam dengan lebih menyeluruh sehingga dapat mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian dengan lebih baik (Jahid Sidek, 2010). Dengan demikian, murid menjadi lebih sedar akan tanggungjawab mereka sebagai seorang huffaz al-Quran serta membantu untuk mengembangkan personaliti yang baik dan bermoral tinggi. Berikut adalah beberapa konsep sufisme yang dapat diterapkan dalam pendidikan tahfiz:

1. **Tazkiyatun nafs:**

Konsep ini mengajarkan pentingnya membersihkan diri dari sifat-sifat negatif dan mengembangkan nilai yang baik. Dalam pendidikan tahfiz, murid diajar untuk bersifat akhlak yang mulia dan membersihkan diri dari sifat-sifat yang tercela seperti sombong, tamak, dan iri hati.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

2. **Konsep Ihsan**:
Ihsan adalah amalan ibadah yang disertai dengan keinsafan rohani yang mendalam sehingga memberi kesan terhadap akhlak. Nabi SAW mengarahkan kita untuk beribadah dengan cara tersebut, seperti yang disebut dalam sebuah hadis panjang daripada Abu Hurairah RA, di mana Malaikat Jibril bertanya kepada Nabi SAW, dan di situ terdapat penjelasan tentang makna ihsan.

…."Apakah itu Ihsan? Baginda menjawab: 'Sesungguhnya kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya, walaupun kamu tidak melihatnya, akan tetapi Allah melihat kamu.'

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, setiap Muslim hendaklah melaksanakan amalan ibadah dengan sempurna mengikut landasan yang ditetapkan oleh Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Pendekatan ini penting agar amalan diterima dengan sebaik-baiknya tanpa cacat cela serta mendapat ganjaran yang berlipat ganda di sisi Allah.

3. Tawakkal:
Konsep ini mengajarkan tentang kepercayaan dan kebergantungan sepenuhnya pada Allah SWT. Seorang yang menghafaz al-Quran hanya meletakkan kepercayaan dan kebergantungan pada Allah SWT (Shamsul Mohd Nor, 1973) semata-mata dalam menuntut ilmu dan berbagai aspek kehidupan lainnya.

4. Muraqabah:
Muraqabah berasal daripada perkataan *'raqaba'*, yang bermaksud memerhati, mengawasi, dan menyaksikan. Istilah muraqabah pula merujuk kepada pengawasan dan pemerhatian. Muraqabah atau muraqabatullah dianggap sebagai suatu sifat yang mulia, kerana dengan sifat ini, seorang huffaz menjalani seluruh kehidupannya dengan merasakan dirinya sentiasa berada di bawah pengawasan dan perhatian Allah, Tuhan sekalian alam. Perasaan hidup dalam pengawasan Allah adalah perasaan yang paling mulia bagi seorang mukmin.

5. Tasawuf dan Amaliyah:
Konsep ini mengajarkan tentang pengalaman spiritual yang diperoleh melalui amalan-amalan ibadah yang benar dan tepat. Murid dididik tentang pentingnya mengamalkan Al-Quran dan hadis dalam kehidupan seharian seterusnya mengalami pengalaman spiritual yang mendalam melalui amalan-amalan tersebut. Penekanan terhadap ilmu dan amalan dalam tasawuf dapat menumbuhkan rasa taqwa dalam diri seorang huffaz terhadap kewujudan serta keesaan Allah SWT. Melalui pendekatan ini, hati seseorang akan menjadi lebih bersih dan mendekatkan diri kepada hakikat dan makrifatullah. (Mohd Shaifulbahri Abdullah & Syed Hadzrullathfi Syed Omar, 2017b).

Hakikatnya dengan menerapkan konsep sufisme dalam pendidikan tahfiz, murid-murid dapat menzahirkankan personaliti yang baik mengikut acuan al-Quran, meningkatkan kualiti bacaan Al-Quran dan pemahaman tentang Al-Quran, serta mengalami pengalaman spiritual yang lebih dalam. Hal ini akan membantu huffaz dalam menjalani kehidupan seharian dengan mengikut sunnah dan menjadi peribadi yang lebih baik disisi Allah SWT.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Personaliti Huffaz Yang Bertasawuf

Sufisme adalah cabang spiritual Islam yang mengajarkan tentang kehidupan batiniah seseorang. Dalam konteks pendidikan tahfiz, konsep sufisme dapat membantu meningkatkan kualiti pembelajaran dan pembentukan perilaku murid. Seorang huffaz yang berada dijalan tasawuf mempunyai watak personaliti yang sentiasa mengharap redha Allah s.w.t.

Personaliti merujuk kepada perkataan Arab 'sahsiah' atau 'akhlak'. Justeru, individu yang mempunyai sahsiah yang baik merujuk kepada individu yang mempunyai akhlak yang terpuji. Sebaliknya, individu yang berperibadi buruk merujuk kepada individu yang berakhlak keji. Huffaz atau para penghafal Al-Quran memainkan peranan penting dalam mempertahankan keaslian Al-Quran sebagai kitab suci umat Islam. Hal ini kerana mereka mampu menghafal seluruh ayat-ayat Al-Quran dengan lancar dan betul. Ini membantu memastikan bahwa Al-Quran yang dibaca oleh umat Islam di seluruh dunia adalah sama sepertimana dengan Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Al-Quran telah menjadi sebahagian dari warisan budaya umat Islam selama berabad-abad. Para huffaz dipertanggungjawabkan untuk membantu menjaga warisan budaya ini dengan menghafal dan memelihara Al-Quran, dan juga dengan membantu menyebarkan pengajaran Al-Quran kepada masyarakat umum. Mafhumnya dengan membaca dan menghafal Al-Quran dapat membantu memperkuat keimanan dan ketakwaan seseorang. Para huffaz yang menghafal Al-Quran dapat membantu orang lain untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan mereka dengan membantu mereka belajar, membaca dan menghafal Al-Quran. Lebih dari itu, dengan menghafal Al-Quran juga dapat membantu seseorang untuk memperkuat hubungan spiritual mereka dengan Allah. Tujuan ini dapat dicapai dengan mengajar mereka cara membaca dan menghafal Al-Quran, serta membantu mereka memahami ajaran Islam secara lebih dalam.

Para huffaz dapat menjadi sumber inspirasi bagi orang lain dengan menunjukkan kemampuan mereka untuk menghafal seluruh Al-Quran. Kemampuan ini dapat membantu orang lain untuk lebih menghargai dan menghormati Al-Quran, serta untuk memotivasi mereka untuk belajar dan menghafal Al-Quran sendiri. Apatah lagi ditambah dengan nilai-nilai kesufian yang diamalkan seiring dengan apa yang dihafalkan setiap hari. Dengan demikian, para huffaz memainkan peranan penting dalam mempertahankan keaslian Al-Quran, serta menjadi *role-model* dalam masyarakat sekaligus dapat memperkuat iman dan ketakwaan mereka kepada Allah.

Kesimpulan

Pendidikan tahfiz yang bersendikan tasawuf atau sufisme dapat membantu membentuk huffaz atau para penghafal Al-Quran yang tidak hanya menghafal, tetapi juga memahami ajaran-ajaran Islam secara lebih dalam. Konsep sufisme yang diterapkan dalam pendidikan tahfiz dapat membantu memperkuat hubungan spiritual dengan Allah dan memperkuat keimanan serta ketakwaan seseorang. Para huffaz yang terbentuk melalui pendidikan tahfiz dengan pendekatan sufisme dapat memainkan peranan penting dalam mempertahankan keaslian Al-Quran, serta membantu meningkatkan pemahaman dan pengalaman spiritual umat Islam.

Dengan demikian, pembentukan huffaz melalui penerapan konsep sufisme dalam pendidikan tahfiz dapat memberikan manfaat yang luas bagi individu, masyarakat, dan umat Islam secara keseluruhan. Diharapkan dengan adanya artikel ini akan semakin banyak institusi pendidikan tahfiz yang menerapkan konsep sufisme dalam metode pengajarannya, sehingga terbentuk

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

generasi huffaz yang tidak hanya menghafal Al-Quran dengan baik, tetapi juga memiliki jati diri yang jitu dan nilai-nilai keagamaan yang kukuh.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada School of Education, Universiti Utara Malaysia (UUM) atas sokongan yang diberikan sepanjang proses penulisan artikel ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah yang tidak jemu-jemu berkongsi ilmu dan bimbingan, serta sahabat-sahabat EDD yang sentiasa memberikan dorongan dan bantuan. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh ini bermanfaat dan menjadi inspirasi untuk terus maju dalam bidang pendidikan.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abdul Arif Sidi, M. I. H. & A. H. T. (2021). Pendekatan Tasawuf Abu Talib Al-Makki Dalam Menangani Masalah Disiplin Remaja. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, *1*(1).

Abdul Rahman Mahmood, A. M. & W. H. K. (2020). Konsep Tasawwuf Dan Tarekat Menurut Ahli Sunnah Waljamaah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 4.0 (SUNNI 2020)*.

Abdull Rahman Mahmood, A. M. dan W. H. K. (2020). Konsep Tasawwuf Dan Tarekat Menurut Ahli Sunnah Waljamaah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 4.0 (SUNNI 2020)*.

Al-Jauziyyah, I. Q. (2005). *Fekah Tasawuf Kaedah-Kaedah Rawatan Penyakit Hati (Terj: Harun Ar-Rasyid Hj Tuskan)*. Darul Fajr.

binti Zakaria, R., binti Mohd Haridi, N., Yahaya, M., Pangilun, S., & binti Husin, H. (2020). Penerapan Elemen Tadabbur Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (Mits) the Implementation of Tadabbur Al-Quran Element Among Students in Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (Mits). *Jpi.Kuis.Edu.My*, *13*(2), 97–107. http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/47

Che Lah, F. (2017). Cemerlang dunia akhirat. *Harian Metro*. https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/12/292752/cemerlang-dunia-akhirat

Faiz, M., & Ibrahim, I. A. (2015). Unsur Sufisme Dalam Konsep Pendidikan Said Nursi. *Nizham Journal of Islamic Studies*, *4*(2), 184–207.

Fatimah Mohamed. (2021). *Ilmu Tasawuf Dalam Sukatan Akhlak Pendidikan Islam. Kajian Di Sekolah Menengah Terpilih Di Taiping, Perak*. Universiti Sains Malaysia.

Ismail, S, . (2018). Sejarah Perkembangan Dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia: Manhaj Dan Model. *Muzakarah Institusi Tahfiz NegaraAt: Kompleks Dakwah Darul Murtadha Sungai Petani Kedah.* https://www.researchgate.net/publication/328730283_sejarah_perkembangan_dan_status_terkini_pengajian_tahfiz_di_malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara* (1st ed.). Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM.

Jahid Sidek. (2010). *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*. Al-Falah Publication Sdn Bhd.

Kamaruddin, M. (2017). Jangan paksa anak jadi doktor. *Utusan Malaysia*. https://madeinuitm.com/jangan-paksa-anak-jadi-doktor/

Mahpol, S., Yusoff, M.S.A., & Sa'ad, M. L. I. H. M. (2020). Sumbangan Al-Qushayri dalam bidang kerohanian berdasarkan disiplin ilmu. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, *3*(1), 12–25.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
IJMOE
Volume 6 Issue 23 (December 2024) PP. 01-14
DOI: 10.35631/IJMOE.623001

Mohamad Razif. (2020). *Al-Afkar #86: Definisi Tasawwuf*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/4094-al-afkar-86-definisi-tasawwuf

Mohd Faizal Harun. (2017). *Tasawuf Dan Tarekat Sejarah Perkembangan Dan Alirannya Di Malaysia* (Ketiga). UUM Press.

Mohd Shaifulbahri Abdullah & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2017a). Konsep Ilmu dan Amal dalam Tasawuf. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 444–448.

Mohd Shaifulbahri Abdullah & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2017b). Konsep Ilmu dan Amal dalam Tasawuf. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, 444–448.

Muhamad Yusuf Khalid. (2011). *Pengenalan Ilmu Tasawuf Untuk Remaja Islam*. Penerbit USIM Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Mohd Rashidi Omar, M. A. M. N. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz Di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa Dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal (APJ)*, *4*(1), 132–147. https://doi.org/http://dx.doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.241

Noraini Ismail, Mardzelah Makhsin, Noraini Nasirun, Ummi Syarah Ismail, Nadhilah Abdul Pisal, N. H. dan A. M. N. (2022). Relationship Between Islamic Sufism Practices and Religious Personality Among Muslim Students in Malaysia. *Journal of Higher Education Theory and Practice*, *22*(2), 83–94.

Nozira Salleh, Faudzinaim Hj. Badaruddin, Indriaty Ismail, R. M. R. dan A. Y. M. N. (2022). Pendekatan Tasawuf Dalam Pembangunan Sahsiah Generasi Z Di Malaysia. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, *4*(2).

Said Nursi. (2011). *al-Maktubat*.

Shamsul Mohd Nor. (1973). *Menyelami Samudera Tasawuf*. Uamani Angel Sdn Bhd.

Sheikh Abu Mohamed Rohimuddin Nawawi Jahari al-Bantani. (2012). *Kaedah Sufi Alternatif Sebenar Menuju Allah*. Pelima Media Sdn Bhd.

Shohana Hussin. (2020). Pendidikan Kerohanian Dalam Kitab Turath Jawi Siyar al-Salikin. *Sains Insani*, *5*(1), 67–72.

Subandi MA., Chizanah L., & S. S. (2021). Psychotheraputic dimensions of an Islamic-Sufi-Based Rehabilitation Center: A case study. *Cult Med Psychiatry*. https://doi.org/10.1007/s11013-021-09738-1.

Usman, A.H., Stapa, Z., & Abdullah, M. F. R. (2020). How to deal with workplace stress: A Sufist psychotherapy approach. *Mental Health, Religion, and Culture*, *23*(7), 625–638. https://doi.org/https://doi.org/10.1080/13674676.2020.1735323

Wan Saleha Wan Sayed, M. H. S. & W. H. W. J. (2020). Institusi Tarekat Tasawuf Dalam Pemantapan Spiritual Insan. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, *4*(2), 55–66.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved